

## SKUASY

### 1. PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-undang dan Peraturan yang digunapakai oleh Persatuan Squash Malaysia (SRAM) atau Asia Squash of Federation (ASF) atau World Squash of Federation (WSF).

#### 1.1 Jenis Pertandingan.

1.1.1 Pertandingan ini dijalankan secara individu lelaki dan wanita.

#### 1.2 Pendaftaran Pemain.

1.2.1 Individu Lelaki & Wanita.

1.2.2 Tiap-tiap IPT dibenarkan mendaftar 3 orang (lelaki) sahaja dan 3 orang (wanita) sahaja.

1.2.3 Borang pendaftaran hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan bermula.

### 2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Sistem pertandingan untuk Kejohanan ini akan dijalankan secara sistem sirkit seperti yang diguna pakai oleh SRAM.

2.2 Perlawanan peringkat awal sehingga suku akhir setiap pemain akan bermain "best of 3". Pada peringkat separuh akhir dan akhir akan bermain "best of 5", manakala bagi "looser pools" akan bermain "best of 3" sahaja. Setiap perlawanan akan menggunakan sistem kiraan "American scoring".

#### 2.3 Referi Kehormat.

2.3.1 Referi bertauliah akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola bagi setiap permainan yang dipertandingkan mulai dengan peringkat awal hingga perlawanan akhir.

#### 2.4 Pakaian

2.4.1 Setiap pemain hendaklah memakai pakaian yang dibenarkan dalam undang-undang permainan berkenaan.

#### 2.5 Bola Perlawanan.

2.5.1 Bola yang dibenarkan sepanjang pertandingan adalah bola jenis Dunlop Yellow Double Dot atau setaraf dengannya dan akan disediakan oleh pihak pengelola.

#### 2.6 Kelewatan

# PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

*Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti*



2.6.1 Setiap pemain diberi tempoh masa selama 15 minit dari masa perlawanan yang telah ditetapkan sebelum diistiharkan kemenangan percuma kepada pihak lawan kecuali telah berhubung dan mendapat kebenaran daripada pengelola.

## 2.7 Penangguhan.

2.7.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan sama sekali tidak boleh diminta tangguh. Jawatankuasa Pengelola adalah mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta merta.

## 2.8 Perkara Yang Tidak Dinyatakan.

2.8.1 Jawatankuasa pengelola mempunyai kuasa untuk membuat keputusan yang difikirkan wajar untuk menjayakan kejohanan ini. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan perkara-perkara yang tidak dicatatkan di dalam peraturan ini adalah muktamad.

## 2.9 Hadiah

2.9.1 Tempat pertama, kedua, & ketiga sahaja bagi acara lelaki & wanita.